

**Hubungan Diplomatik Malaysia-Ukraine Perlu Diakrabkan - Raja Muda Bernama**  
**17 September, 2012**  
**Daripada Adnan Jahaya**

KYIV (Ukraine), 17 Sept (Bernama) -- Hubungan diplomatik antara Malaysia dan Ukraine yang terjalin sejak lebih 20 tahun lepas perlu terus diakrabkan dengan memperbanyakkan program kerjasama antara kedua negara.

Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail bertitah hubungan rapat itu sudah pasti memudahkan pelbagai kerjasama dimanfaatkan untuk kepentingan bersama termasuk di sektor pendidikan, ekonomi, pertahanan dan pelancongan.

Antara yang perlu dilihat semula dalam hubungan kedua negara ialah masalah visa rakyat Malaysia, titah baginda pada majlis sambutan Hari Malaysia ke-49 di ibu negara Ukraine itu malam Ahad.

Tuanku Syed Faizuddin berada di Ukraine sejak semalam bagi mengetuai lawatan kerja Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes) ke Ukraine.

Pada masa ini Ukraine mengenakan visa untuk semua jenis lawatan dari Malaysia manakala Malaysia tidak mengenakan visa kepada rakyat Ukraine bagi lawatan tidak melebihi 30 hari.

Raja Muda Perlis yang juga Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yakin aliran lawatan rakyat kedua negara akan terus berkembang dan membantu memupuk semangat kefahaman sosial dan budaya di kalangan rakyat kedua negara.

Baginda turut berharap kerjasama sektor pendidikan diperkasa semula menggunakan sistem piawaian yang lebih teliti dan memberi manfaat secara bersama.

Tuanku Syed Faizuddin bertitah jumlah penuntut Malaysia dalam bidang perubatan di Ukraine merosot meskipun kos pengajian di negara itu adalah murah.

"Saya difahamkan sebelum ini purata 500 pelajar Malaysia menuntut dalam bidang perubatan di Ukraine namun pada masa ini jumlahnya hanya tinggal tiga orang," titah baginda.

Baginda percaya kemerosotan jumlah penuntut Malaysia itu disebabkan isu pengiktirafan ijazah perubatan universiti tertentu di Ukraine sejak 2005.

Sementara itu, pelbagai acara diadakan bagi menyuburkan semangat jati diri rakyat kepada negara pada majlis sambutan Hari Malaysia anjuran pejabat Kedutaan Malaysia di Ukraine itu.

Majlis yang berlangsung di sebuah premis di sini bermula dengan nyanyian lagu kebangsaan diikuti ikrar Rukun Negara yang diketuai pegawai latihan Palapes Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam Mej Ismail Ahmad.

Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) Brig Jen Prof Datuk Dr Kamarudin Hussin yang juga Komandan Palapes UniMAP turut memeriahkan sambutan itu dengan bacaan sajak patriotik manakala beberapa pemimpin Palapes dan petugas kedutaan Malaysia turut menyanyikan lagu-lagu patriotik.

Duta Besar Malaysia ke Ukraine Chuah Teong Ban ketika berucap pada majlis itu berkata walaupun mereka berada di perantauan, ia tidak menjejaskan semangat mereka untuk meraikan sambutan Hari Malaysia.

Rakyat Malaysia terutama petugas kedutaan sentiasa mempunyai semangat jati diri yang tinggi terhadap negara dan tidak akan melepaskan peluang untuk berkongsi semangat itu bersama komuniti rakyat Malaysia di sini, katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=695108>